



KOSMO
10/02/2012
Page: 18
By: Fahami Ahmad
Section: General News
Region: Malaysia Circulation: 188982
Type: Malaysia - Malay Newspapers
Size: 214.00 sq.cms
Frequency: MTWTF5

Pasukan UPNM johan Pertandingan Debat Keamanan

Oleh **FAHAMI AHMAD**
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) muncul johan Pertandingan Akhir Debat Keamanan Ala Presiden Antara Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2012 bagi Piala Menteri Pengajian Tinggi dengan mengalahkan wakil daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini kelmarin.

Pasukan tuan rumah, UPNM diwakili oleh Wan Azizul Faiz Zulkifli, 21, dan Tuan Ahmad Nazmi Safwan Tuan Mat, 21, bertindak sebagai pihak pembangkang berjaya mengalahkan pihak pencadang yang diwakili Siti Hajar Ismail, 23, dan Shameerul Abd. Samad, 22, daripada UPM.

Wan Azizul yang juga pelajar Kejuruteraan Mekanikal Pertahanan berkata, kemenangan pasukannya adalah hasil usaha bagi menebus kekalahan pertandingan lepas serta membuktikan mahasiswa juga

peka kepada isu-isu keamanan.

“Mahasiswa kini perlu memahami konsep keamanan dengan jelas serta sentiasa mengambil tahu isu semasa dunia.

“Mahasiswa juga perlu berfikir di luar kotak dan mematangkan pemikiran mereka dengan mengambil tahu semua isu yang berlaku tanpa mengira kepentingan tertentu,” katanya ketika ditemui di sini kelmarin.

Johan pertandingan membawa pulang wang tunai bernilai RM10,000, piala pusingan dan piala iringan.

Sementara itu, Siti Hajar yang juga pelajar Jurusan Kesusasteraan Melayu UPM berkata, kekalahan mereka pada pertandingan tersebut bukanlah titik akhir pasukannya memperjuangkan keamanan dunia.

“Kita sebagai mahasiswa merupakan ejen perubahan kepada masyarakat terutama melibatkan masyarakat dunia. Tiada alasan untuk kita tidak mahu mengambil tahu isu keamanan dunia,” katanya.



NAIB Canselor UPNM, Datuk Allatif Mohd. Noor (dua dari kanan), timbalannya, Prof. Wan Mahzom Ahmad Shah (kiri), Wan Azizul (dua dari kiri) dan Tuan Ahmad Nazmi selepas memenangi pertandingan akhir debat di Kuala Lumpur kelmarin.